

BR1M langkah tepat rangsang ekonomi

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan langkah terbaik bagi merangsang ekonomi kerana pemberian bantuan tunai kepada rakyat terbukti meningkatkan penggunaan domestik seperti yang diakui sekumpulan tokoh ekonomi Britain semalam.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, dalam konteks BR1M, peningkatan perbelanjaan oleh golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) setelah menerima bantuan tunai itu telah memberi suntikan berganda kepada ekonomi domestik.

"Atas sebab itu, kerajaan memutuskan untuk terus mengekalkan BR1M kerana kaedah itu bukan sahaja membantu merangsang ekonomi tetapi juga berjaya membantu golongan yang sepatutnya menerusi subsidi bersasar.

"Di kawasan Parlimen saya (Titiwangsa) misalnya, setiap kali BR1M diberikan, jumlahnya kira-kira RM40 juta dan apabila mereka membelanjakan semula wang itu,

limpahan ekonomi cukup besar yang turut memberi manfaat kepada peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap dalam Majlis Penyerahan Geran Endowment daripada Yayasan Oticon bernilai RM3.2 juta kepada Program Audiologi, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi (PPSR) Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Dekan Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof. Dr. Bariah Mohd. Ali.

Johari diminta mengulas laporan *The Guardian* yang memetik 35 pakar ekonomi Britain termasuk Lord Robert Skidelsky dan Herman Daly yang mahu bank pusat negara itu melaksanakan pemberian bantuan tunai bagi mengatasi kelembapan ekonomi berbanding melaksana-



JOHARI ABDUL GHANI

kan pemotongan kadar faedah.

Sementara itu, ditanya mengenai Bajet 2017, beliau berkata, ketika ini kerajaan berusaha mengurus perbelanjaan negara dengan menjaga pendapatan dan mengurangkan defisit fiskal.

Katanya, langkah itu perlu dilaksanakan berikutan kehilangan pendapatan hampir RM30 bilion akibat kejatuhan harga minyak yang menyebabkan kemampuan kerajaan untuk berbelanja dalam tempoh jangka panjang menjadi kurang.

"Jika aspek perbelanjaan tidak diuruskan, maka defisit fiskal akan besar dan ini boleh menggugat penerafan terhadap negara yang seterusnya meningkatkan kadar faedah.

"Oleh itu, soal peruntukan kepada setiap sektor termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam Bajet 2017 akan ditentukan bergantung kepada pendapatan negara," katanya.